

TEKS UCAPAN ALUAN

Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib

NAIB CANSELOR UTeM

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2016

17 April 2017 (Isnin) 8.00 MALAM, Ramada Plaza Hotel

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih kepada Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan

Yang Berbahagia Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) merangkap

Pengerusi Bersama Anugerah Akademik Universiti 2016

Yang Berbahagia Prof. Dr. Izaidin Bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong-Penolong Naib Canselor

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Mohd Fahmi bin Miskon

Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik
merangkap

Pengerusi Pelaksana Anugerah Akademik Universiti 2016

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Rakan Media, para penerima
Anugerah Akademik Universiti 2016,

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, dapatlah kita berhimpun pada majlis Anugerah Akademik Universiti 2016, anugerah berprestij yang penuh bermakna ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Y.Bhg. Tan Sri Pengerusi Lembaga Pengarah bagi memeriahkan lagi majlis anugerah akademik universiti pada malam ini.

Turun ke sawah menanam padi,
Mencari rezeki habuan diri,
Terima kasih sekalung budi,
Kehadiran Tan Sri menambah seri.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

3. Anugerah Akademik Universiti pertama kali diadakan pada tahun 2009 merupakan program tahunan universiti yang mampu menyumbang kepada usaha murni Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Kerajaan dalam melahirkan insan yang terbilang. Anugerah ini merupakan satu inisiatif mempersada kualiti ahli akademik dari segi kepimpinan, kecemerlangan kerja, kemantapan daya usaha sehingga boleh dijadikan sebagai contoh terbaik kepada seluruh warga UTeM. Majlis AAU ini juga menjadi satu wahana bagi mengenal pasti calon Anugerah Akademik Negara

(AAN) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia pada setiap tahun, dan diharapkan pada tahun ini terdapat pencalonan dari UTeM yang akan tersenarai dalam kategori yang dipertandingkan di peringkat AAN. Insya Allah

4. Sebagai makluman hadirin dan hadirat sekalian, sebanyak sepuluh (10) kategori telah diperkenalkan bagi AAU 2016, dan istimewanya pada tahun ini, beberapa fasa penambahbaikan terutamanya dalam aspek kriteria penilaian markah bagi Anugerah Akademik Harapan, Anugerah Penyelidikan dan Anugerah Inovasi e-Pembelajaran telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi mutu dan kualiti penganugerahan ini.
5. Penerima anugerah bagi setiap kategori yang bakal diumumkan pada malam ini juga telah melalui proses penilaian yang agak ketat sama ada di peringkat fakulti, mahupun di peringkat Universiti. Ini

bagi memastikan penerima anugerah ini merupakan ahli akademik yang benar-benar terbaik daripada kalangan yang terbaik.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

6. Dalam menginjak usia 17 tahun penubuhannya, UTeM telah banyak melakar kejayaan. UTeM merupakan peneraju utama bidang teknologi kejuruteraan di peringkat pendidikan tinggi yang menyokong pembangunan TVET negara, selain diberi kepercayaan oleh pihak KPT untuk mempelopori penubuhan Pusat e-Pembelajaran Negara atau National e-Learning Center (NeLC), secara langsung mengupayakan UTeM untuk mempertingkatkan lagi semangat warga universiti untuk terus memberikan sumbangan terbaik dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional.

7. Untuk melestarikan kejayaan, UTeM akan terus meletakkan usaha memberi tumpuan untuk merealisasikan segala yang telah dihasratkan menerusi Pelan Strategik UTeM 2012-2020. Lebih menarik lagi, baru-baru ini Pelan Strategik UTeM ini telah dimurni dan diperhalusi dengan lebih terperinci menerusi penglibatan Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Senat dan Pengurusan Tertinggi Universiti. Lebih membanggakan apabila Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Y.Bhg. Tan Sri Pengerusi Lembaga Pengarah sendiri turut menyumbang pandangan dan idea strategik dalam memperkukuhkan lagi pelaksanaan pelan tindakan Pelan Strategik Universiti ini.

Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian,

8. Suka saya kongsi, baru-baru ini, UTeM telah memperolehi satu pencapaian yang membanggakan apabila Journal of Advanced Manufacturing Technology (JAMT) mendapat pengiktirafan status Jurnal Berindeks Scopus yang secara langsung memberikan impak besar dalam peningkatan dan perkembangan penerbitan jurnal khususnya dalam bidang pembuatan. Pencapaian ini turut membuktikan bahawa keupayaan UTeM adalah setara dengan universiti-universiti tersohor lain di dalam dan juga luar negara. Untuk itu, UTeM akan meneruskan lagi tumpuan memperkasakan penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan (R&D&C), pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan graduan yang mampu berfungsi atau *functional graduate*, seimbang, dan memiliki kemahiran tadbir urus yang terbaik.

9. Alhamdulillah, usaha UTeM telah membuahkan hasil apabila seorang graduan UTeM telah dianugerahi dengan *MySet-MTC Student Excellence Award 2017* sempena *National Engineering and Technology Convention 2017 and MySet 10th Annual General Meeting* pada 8 April yang lalu. Kejayaan ini membuktikan bahawa UTeM bukan sahaja berhasil melahirkan graduan yang berkemahiran teknikal tinggi tetapi juga mempunyai atribut yang menyeluruh.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli akademik yang telah memainkan peranan dan menyumbang dalam melahirkan insan yang terbaik. Tanpa dukungan anda semua, kita tidak mungkin dapat membangunkan

insan berilmu yang cemerlang sekali gus menjadi sumber manusia unggul untuk pembangunan dan kemajuan universiti, masyarakat dan negara.

11. Saya juga berharap agar penerima Anugerah Akademik Universiti yang bakal diumumkan sebentar lagi akan terus menjadi pendorong, penggerak dan pemangkin kecemerlangan kepada ahli akademik lain dalam mencipta lebih banyak kejayaan di arena kebangsaan dan antarabangsa. Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi pelbagai bentuk sokongan serta bantuan yang begitu besar maknanya kepada kejayaan yang dicapai oleh universiti sehingga hari ini.
12. Akhir kata, bagi pihak Universiti, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis Anugerah Akademik Universiti ini. Komitmen yang diberikan adalah sangat dihargai dalam mencerna idea, memerah tenaga, menyempurna kerja,

menzahir upacara, sehingga majlis ini terlaksana dengan jayanya. Saya mendoakan semoga komitmen dan usaha semua diberkati Allah Subhanallahu Wata'ala.

Di hujung desa pohon serasi,
Dedaun nangka jatuh ke laman,
Anugerah akademik menjadi saksi,
Memacu UTeM ke mercu kejayaan.

Sekian, *wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*